

Langkah bijak alih ke industri

U.M. - 3 JUN 1996

Oleh ROZAMAN ISMAIL

KUALA LUMPUR 2 Jun — Malaysia telah mengambil langkah bijak apabila beralih kepada bidang perindustrian dan tidak lagi bergantung kepada hasil komoditi semata-mata, kata Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, Malaysia tidak akan berada pada tahap kemajuan yang ada sekarang sekiranya masih bergantung kepada barangan komoditi seperti timah dan getah.

"Malaysia telah membuat keputusan yang tepat dengan beralih kepada bidang perindustrian daripada terus bergantung kepada hasil komoditi," katanya ketika berucap pada majlis penganjuran buku *Berurusan Dengan Perkhidmatan Awam Malaysia* dan Pan-

duan Mengenai Piagam Pelanggan di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak pasti apa akan terjadi kepada Malaysia sekiranya negara masih lagi bergantung kepada barangan komoditi yang sentiasa terdedah kepada manipulasi pasaran harga antarabangsa.

Katanya, kerajaan sedar bahaya yang akan dihadapi sekiranya terus bergantung kepada hasil komoditi itu dan kerana itulah kerajaan memutuskan untuk beralih kepada sektor perindustrian.

"Melihat kepada kecenderungan harga komoditi yang sentiasa berubah-ubah dan pasaran yang tidak menentu serta potensi perindustrian yang boleh menjadikan Malaysia maju, kita telah mengambil satu langkah yang bijak," katanya.

Perdana Menteri berkata, pergantungan kepada

barangan komoditi semata-mata bukan sahaja tidak akan dapat menjamin pertumbuhan ekonomi Malaysia malah tidak dapat memberi peluang pekerjaan kepada rakyat.

Langkah tersebut juga katanya, telah menjadikan pertumbuhan ekonomi negara lebih pesat jika dibandingkan dengan negara-negara lain termasuk negara perindustrian.

Katanya, Malaysia telah meletakkan sasaran untuk mencapai tahap negara maju menjelang tahun 2020 dan berusaha untuk menjadikannya satu kenyataan.

"Tidak kira apa interpretasi yang diberikan mengenai negara maju, kita sedang berusaha bersungguh-sungguh mencapainya.

"Bagi mencapai cita-cita tersebut, seluruh rakyat Malaysia perlu menggembeng tenaga dan usa-

ha mulai dari sekarang," katanya.

Sebelum itu Perdana Menteri berkata, hubungan rapat antara sektor awam dan swasta akan mewujudkan persefahaman serta memudahkan segala urusan yang berkaitan.

Katanya, buku *Berurusan Dengan Perkhidmatan Awam Malaysia* dan *Panduan Mengenai Piagam Pelanggan* yang dikeluarkan akan membolehkan sektor swasta memahami proses dan prosedur yang perlu diikuti oleh mereka.

Katanya, kejayaan Malaysia dalam merealisasikan konsep persyarikatan Malaysia, terutamanya menjalinkan kerjasama erat di antara sektor swasta dan awam akan dapat menjamin cita-cita untuk menjadi negara maju.